

kawasan-kawasan tadahan hujan.¹⁶⁴ Dia lari demi (menyelamatkan) agamanya daripada pelbagai fitnah.¹⁶⁵

yang lain, sabda Rasulullah s.a.w. ini memaksudkan setiap benda yang sebaiknya dibawa bersama adalah dalam bentuk sesuatu yang praktikal, mudah dan berguna dalam membantu melicinkan perjalanan kehidupan seseorang di tempat-tempat seperti di puncak gunung.

¹⁶⁴ Puncak-puncak gunung merupakan tempat-tempat yang aman daripada pelbagai gangguan untuk melakukan ibadah. Dalam keheningan suasananya seseorang itu akan mampu mencapai ketenangan jiwa. Manakala kawasan-kawasan tadahan hujan pula adalah tanah-tanah yang subur untuk bercucuk tanam dan sesuai untuk penternakan. Walau bagaimanapun, pengasingan diri daripada masyarakat bukanlah berma'na ajaran Islam menggalakkan penganutnya agar memilih cara hidup kependitaan. Tambahan pula tindakan mengasingkan diri dengan mendiami puncak-puncak gunung dan hutan hujan adalah satu tindakan yang boleh mengundang bahaya, lebih-lebih lagi kepada golongan yang lemah seperti kaum wanita, orang kurang upaya, warga emas dan sebagainya, memandangkan mereka mungkin akan berhadapan dengan dugaan-dugaan hidup bersendirian ataupun terpaksa berhadapan dengan ancaman binatang buas dan seumpamanya. Sabda Rasulullah s.a.w. ini juga menunjukkan bahawa walau bagaimana sekalipun bahayanya ancaman-ancaman tersebut dan bagaimana besar sekalipun dugaan-dugaannya, ia tidaklah sebesar mana jika dibandingkan dengan fitnah-fitnah yang boleh mengancam aqidah seseorang yang beriman.

¹⁶⁵ Fitnah yang dimaksudkan di dalam hadits ini adalah fitnah yang berkaitan khusus dengan agama. Kerana definisi kepada perkataan fitnah itu sendiri mempunyai sempadan yang sangat luas, sehinggakan kehidupan manusia itu sendiri sama ada pahit manis, suka duka dan sebagainya juga termasuk dalam maksud fitnah. Hakikat ini telah dijelaskan oleh Allah di dalam firmanNya:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَنَبْلُوكُم بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٣٥﴾

Bermaksud: Tiap-tiap diri akan merasai mati dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan dan kepada Kamilah kamu semua akan dikembalikan. (al-Anbiyaa':35).

Fitnah-fitnah dalam bentuk pancaroba atau ujian getir kehidupan yang menghambat manusia, seringkali juga membuatkan mereka lari daripada berhadapan dengannya. Biar apa pun, jika ia boleh menggugat dan mengancam iman dan agamanya, maka melarikan diri daripadanya tetap termasuk dalam perbuatan yang dimaksudkan oleh hadits ini. Demikian juga dengan berhijrah dari sesuatu tempat yang mengongkong kebebasan beragama.

Hadits ini juga menggambarkan bahawa fitnah yang akan dihadapi oleh orang-orang yang beriman datang dalam pelbagai rupa dan bentuk, sehingga ada antaranya yang tidak mampu ditepis oleh mereka. Misalnya penguasaan sistem riba yang diamalkan oleh bank-bank dan syarikat-syarikat konvensional lain yang tidak dapat tidak, percikannya menempiasi juga orang-orang yang tidak mahu terlibat secara langsung dengannya. Benarlah kata-kata Nabi s.a.w. yang mendedahkan hakikat ini melalui sabda Baginda:

لَيَأْتِيَنَّ عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ لَا يَبْقَى مِنْهُمْ أَحَدٌ إِلَّا أَكَلَ الرَّبَا فَمَنْ لَمْ يَأْكُلْ أَصَابَهُ مِنْ غِبَارِهِ

١٣ - بَابُ قَوْلِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَا أَعْلَمُكُمْ بِاللَّهِ وَأَنَّ الْمَعْرِفَةَ فَعَلُ الْقَلْبِ لِقَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى { وَلَكِنْ يُوَاحِدُكُمْ مَا كَسَبَتْ

قُلُوبُكُمْ }

Bermaksud; Akan tiba suatu zaman di mana manusia yang hidup ketika itu semuanya memakan riba. Jika ada juga yang tidak memakannya, debu-debunya tetap akan mengenainya. (Hadits riwayat Ahmad, Abu Daud, Nasaa'i, Ibnu Majah, al-Haakim dan al-Baihaqi).

Selain sistem riba, terdapat banyak sekali fitnah terhadap agama yang sentiasa dialami oleh orang-orang yang beriman di sepanjang zaman dan ia berbeza-beza mengikut peredaran zaman dan sempadan geografi. Misalnya, di peringkat permulaan Islam dahulu, umat Islam sering diuji dengan seruan jihad dan sebagainya, sebaliknya umat Islam di zaman kita ini pula diuji dengan dominasi riba, kekangan kepada kebebasan mengamalkan agama seperti larangan pemakaian tudung di institusi-institusi pengajian, di tempat-tempat bekerja dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, adakah perbuatan melarikan diri itu sentiasa bermenafa'at dan dituntut kepada setiap umat Islam? Atau adakah maksud sebenar Rasulullah s.a.w. dengan sabda Baginda 'lari' itu ialah menghindarinya sama ada dengan mengelak atau menentang dan menanganinya dengan bijak?? Contohnya sistem riba tadi, dalam konteks pembangunan ekonomi negara yang tidak dapat tidak harus berlari seiring dengan arus tuntutan konvensional atau globalisasi, tindakan melarikan diri daripada riba oleh sekelompok umat yang mempunyai kesedaran tentangnya tidak akan membawa apa-apa erti atau perubahan yang besar dalam masyarakat Islam. Sebaliknya mengubah aliran sistem tersebut dengan sistem kewangan Islam adalah tindakan 'lari' yang lebih praktikal dan menyeluruh kesannya kepada masyarakat Islam. Malah begitulah cara para anbiya' menghadapi dan menangani fitnah-fitnah di zaman masing-masing. Bukannya dengan melarikan diri daripada menghadapinya, tetapi dengan berusaha mengawal dan menjinakkannya.

Selain itu tindakan melarikan diri daripada fitnah-fitnah yang melanda bukanlah dituju dan dituntut daripada semua orang, sebaliknya ia hanya dituntut daripada orang-orang yang lemah dan tidak mempunyai upaya atau dalam keadaan dharurat yang amat menghimpit. Tindakan ini telah diakui oleh al-Qur'an yang menceritakan kisah Ashabul Kahfi yang melarikan diri mereka demi menyelamatkan iman apabila keadaan tidak mengizinkan lagi kepada mereka untuk terus tinggal di negara mereka kerana raja yang menguasai negara pada ketika itu akan bertindak membunuh sesiapa yang berani menzahirkan tauhidnya. Dan orang yang dituntut untuk berbuat demikian adalah individu yang tidak mempunyai sebarang kaitan tanggungjawab dengan orang lain, misalnya tanggungan keluarga dan sebagainya. Sebaliknya bagi mereka yang berupaya menghadapi fitnah-fitnah tersebut dan mempunyai peranan yang diperlukan dalam masyarakat, tindakan melarikan diri daripada masyarakat adalah satu tindakan yang tidak kena. Malah tidak ada satu ajaran atau teladanpun daripada para nabi yang mengharuskan tindakan sedemikian. Ia bahkan haram menurut para 'ulama'. Demikian juga hukum beruzlah. Sekiranya seseorang yang peranan dan khidmatnya masih diperlukan oleh masyarakat, maka beruzlah bukanlah tindakan yang lebih utama baginya. Malah sesetengah 'ulama' menghukumnya sebagai haram. Bagaimanapun, dalam keadaan ancaman kepada agama seseorang berleluasa dan amat kuat, maka beruzlah adalah tindakan yang baik baginya untuk dipilih.

13 - Bab: Sabda Nabi S.A.W.: "Aku Adalah Orang Yang Paling Tahu Tentang Allah Di Antara Kamu." Sesungguhnya Ma'rifat Itu Adalah Perbuatan Hati, Berdasarkan Firman Allah Yang Bermaksud: "Tetapi Dia Mengira Sebagai Kesalahan Kepada Kamu Dengan Apa Yang Diusahakan Oleh Hati-Hati Kamu."¹⁶⁶

¹⁶⁶ Sebagaimana telah disentuh dalam perbincangan-perbincangan yang lalu bahawa antara keistimewaan dan kelebihan kitab *Sahih Bukhari* berbanding kitab-kitab yang lain ialah terletak pada maksud-maksud tersirat di sebalik tajuk-tajuk bab yang dibuat pengarangnya. Ia selain menyingkap pendapat dan pandangan pengarang berhubung dengan apa-apa perkara, mengemukakan juga dalil-dalil dan hujah-hujahnya. Bagaimanapun kadang-kadang usaha menyelami maksud-maksud pengarang dan seterusnya memungut mutiara-mutiara tersirat di sebaliknya bukanlah suatu usaha yang mudah. Ini kerana seseorang pengkaji itu harus memperhalusi pemerhatiannya dan meneliti maksud-maksudnya dengan cukup mendalam. Sebagai contoh, tajuk bab ini sendiri. Ia sebenarnya terbahagi kepada dua juzu' yang berasingan. Pertamanya terdiri daripada frasa 'Aku adalah orang yang paling tahu tentang Allah' dan keduanya pula terdiri daripada frasa 'Ma'rifat itu adalah perbuatan hati'. Firman Allah: وَلَكِنْ يُؤْخَذُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ قُلُوبُكُمْ (tetapi Dia mengira sebagai kesalahan kepada kamu dengan apa yang diusahakan oleh hati-hati kamu) yang dikemukakan selepas itu sebenarnya adalah dalil bagi juzu' yang kedua tajuk bab.

Dalil bagi juzu' yang pertama tidak dikemukakan oleh Bukhari di dalam tajuk bab, sebaliknya beliau berpada dengan apa yang terkandung di dalam teks hadits di bawahnya sahaja. Dalilnya terletak pada sabda begini s.a.w.: إِنْ أَنْتَ أَكْمَرُ وَأَعْلَمُكُمْ بِاللَّهِ أَنَا (Sesungguhnya orang yang paling bertaqwa dan paling tahu tentang Allah dari kalangan kamu adalah aku).

Lebih menimbulkan persoalan ialah tajuk babnya kali ini langsung tidak mengandungi perkataan yang menunjukkan tentang Iman, sedangkan bab ini masih berada di bawah tajuk besar, Kitabul Iman. Ia sepatutnya membicarakan tentang Iman. Tajuk bab ini pula sebaliknya membicarakan tentang ilmu dan ma'rifat. Perbincangan Bukhari di sini seolah-olahnya tentang ilmu. Kalau begitu, ia sepatutnya berada di bawah tajuk besar, Kitabul 'Ilmi yang akan datang nanti. Walau bagaimanapun, setelah diselami maksudnya, anda pasti akan dapati tujuan Imam Bukhari membawakan tajuk yang berkaitan dengan ilmu di sini sememangnya mempunyai perkaitan secara langsung dengan perbincangan tentang Iman itu sendiri. Ini kerana seseorang yang hendak beriman kepada Allah, tidak dapat tidak haruslah mengenali atau mempunyai ilmu tentang Allah.

Menurut para pengkaji Kitab Sahih Bukhari, antara faktor kenapa kadang-kadang tajuk bab Bukhari agak sukar difahami ialah: (1) Tajuknya kadang-kadang kelihatan tidak bersesuaian dengan maksud Kitab atau bab besarnya. Apa yang berlaku pada tajuk ini adalah salah satu contohnya. (2) Kerapnya berlaku pengulangan hadits-hadits yang sama di sepanjang Kitab Sahih Bukhari. (3) Berlakunya peringkasan teks sesuatu hadits, iaitu dengan hanya mengemukakan petikan potongan-potongan tertentu sahaja daripada keseluruhan teksnya. Keadaan ini boleh menimbulkan kekeliruan, kerana para pembaca mungkin menganggapnya

٢٠ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ سَلَامٍ قَالَ أَخْبَرَنَا عَبْدُهُ عَنْ هِشَامٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَمَرَهُمْ أَمْرَهُمْ مِنَ الْأَعْمَالِ بِمَا يُطِيقُونَ قَالُوا إِنَّا لَسْنَا كَهَيْئَتِكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ قَدْ غَفَرَ لَكَ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِكَ وَمَا تَأَخَّرَ فَيَغْضَبُ حَتَّى يُعْرِفَ الْعَضْبُ فِي وَجْهِهِ ثُمَّ يَقُولُ إِنَّ أَتَقَاكُمْ وَأَعْلَمَكُمْ بِاللَّهِ أَنَا.

20 - Muhammad bin Salaam¹⁶⁷ meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdah¹⁶⁸ meriwayatkan kepada kami daripada Hisyaam daripada ayahnya ('Urwah) daripada

dari potongan hadits yang lain. (4) Pemilihan hadits-hadits yang kurang sesuai dengan tajuk yang diletakkan, sedangkan terdapat pilihan hadits yang lebih tepat dengannya.

Bahagian pertama tajuk bab ini terdiri daripada sabda Rasulullah s.a.w.: "Aku adalah orang yang paling tahu di antara kamu tentang Allah."

Dalam mengenali Allah, tahap pengetahuan seseorang yang beriman itu berbeza-beza di antara satu dengan yang lain. Keadaan ini menunjukkan kewujudan iman itu boleh bertambah dan berkurang. Perbezaan pengetahuan tentang Allah yang mencerminkan perbezaan iman mereka hanya boleh diukur dengan amalan masing-masing. Contohnya ada orang beriman yang sanggup melakukan apa sahaja untuk membela agamanya, termasuklah mengorbankan segala harta benda dan nyawanya sendiri. Sedangkan bagi sesetengah yang lain pula pengorbanan sampai ke tahap demikian adalah sangat berat untuk dilaksanakan mereka.

Menerusi hadits yang dijadikan sebagai juzu' pertama tajuk bab ini juga Imam Bukhari sebenarnya bermaksud menolak anggapan golongan Murji'ah yang mengatakan amalan langsung tidak mempunyai peranan dalam mempengaruhi peningkatan dan pengurangan iman seseorang. Sedangkan menurut Imam Bukhari amalan seseorang, sehingga amalan hatinya sekalipun akan memberi kesan kepada imannya.

Bahagian kedua tajuk bab bersama dalilnya ialah "Sesungguhnya ma'rifat itu adalah perbuatan hati, berdasarkan firman Allah yang bermaksud: "tetapi dia mengira sebagai kesalahan kepada kamu dengan apa yang diusahakan oleh hati-hati kamu."

Menerusi juzu' kedua tajuk bab, Imam Bukhari bermaksud menolak pegangan golongan Karramiyyah yang menganggap ucapan Syahadah seseorang sudah memadai, walaupun tanpa penyertaan pengakuan hatinya. Justeru mereka tidak menganggap salah melakukan apa sahaja termasuk menolak segala ajaran Allah yang lain selepas seseorang itu mengucapkan Syahadah. Melalui kedua-dua juzu' tersebut Imam Bukhari ingin membuktikan bahawa amalan mempunyai kesan dan pengaruhnya yang besar terhadap iman, sehingga amalan hati sekalipun berperanan dalam menambah dan mengurangkannya. Walau bagaimanapun amalan hati hanya akan dikira apabila ianya benar-benar dimaksudkan. Ini dibuktikan oleh firman Allah tersebut, iaitu: "apa yang diusahakah oleh hati-hati kamu". Ia menunjukkan hati juga ada usahanya tersendiri. Usaha hati itulah yang dikatakan perbuatan atau amalan hati.

¹⁶⁷ Beliau ialah Muhammad bin Salaam bin Faraj as-Sulami al-Bikandi. Kuniah beliau ialah Abu 'Abdillah. Muhammad bin Salaam telah menerima hadits daripada tokoh-tokoh seperti Sufyan bin 'Uyainah dan 'Abdullah bin al-Mubaarak. Tokoh-tokoh hadits seperti Bukhari pula telah menerima hadits daripadanya. Beliau telah banyak mengembara untuk mempelajari ilmu

`Aaishah, kata beliau: “Rasulullah s.a.w. bila menyuruh para sahabat (melakukan apa-apa amalan), Baginda menyuruh mereka melakukan amalan yang mampu mereka kerjakan.”¹⁶⁹ Para Sahabat berkata: “Kami tidaklah seperti engkau wahai Rasulullah,

hadits dan membelanjakan sebanyak empat puluh ribu dinar duitnya demi mendalami ilmu ini. Sejumlah wang yang sama juga telah dibelanjakan oleh beliau untuk menyebarkan ilmu hadits. Menurut para `ulama', majlis-majlis ilmunya turut dihadhiri oleh para jin. Demikianlah tersebut di dalam kitab *Siyarul A'laami an-Nubalaa'*. Muhammad bin Salaam menghafal sebanyak lima ribu buah hadits palsu dengan tujuan menjaga hadits-hadits yang sahih. Beliau juga meninggalkan sebilangan karya peribadinya. Dalam penerimaan hadits beliau amat teliti, sehingga pernah pada suatu ketika, semasa sedang menyalin hadits-hadits yang disampaikan oleh gurunya, pensilnya patah. Bimbang takut-takut tertinggal lebih banyak lagi ucapan-ucapan gurunya yang sedang disalinnya itu dengan meraut kembali pensilnya yang patah tadi, beliau terus mengumumkan kepada teman-teman sekelasnya untuk menawarkan bayaran sebanyak satu dinar bagi sebatang pensil yang ingin dijual. Sedangkan harga yang ditawarkan itu adalah satu nilai yang amat tinggi bagi sebatang pensil. Muhammad bin Salaam wafat pada tahun 225 Hijrah. Kebanyakan `ulama' menyebut nama bapa beliau dengan sebutan Salaam, tetapi ada juga sesetengah `ulama' menyebutnya dengan sebutan Sallaam. Pendapat yang lebih sahih adalah pendapat yang pertama. Itulah pilihan an-Nawawi dan Hafiz Ibnu Hajar.

¹⁶⁸ Beliau ialah `Abdah bin Sulaiman bin Hajib bin Zurarah al-Kilabi al-Kufi. Sesetengah pengkaji sejarah mengatakan nama sebenar beliau ialah Abdur Rahman, `Abdah hanyalah nama gelarnya sahaja. `Abdah menerima hadits daripada Hisyam bin `Urwah, al-A'masy dan perawi-perawi lain dari kalangan Tabi'in. Perawi-perawi yang menerima hadits daripada beliau terdiri daripada tokoh-tokoh seperti Imam Ahmad dan lain-lain. Imam Ahmad menyifatkan beliau sebagai: *ثقة ثقة وزيادة مع صلاح*. Bermaksud: “Seorang yang boleh dipercayai, seorang yang boleh dipercayai, bahkan lebih daripada setakat boleh dipercayai, beliau juga seorang yang memiliki sifat-sifat yang baik.”

`Abdah meninggal dunia di Kufah pada tahun 187 atau 188 Hijrah.

¹⁶⁹ Hadits 20 di atas sebenarnya adalah satu hadits yang ringkas. Ia merupakan satu respons daripada Rasulullah s.a.w. terhadap tekad beberapa orang sahabat. Itulah sebenarnya *Asbabul Wurud* bagi hadits ini. Berikut dikemukakan hadits berkenaan selengkapnya:

جَاءَ ثَلَاثَةٌ رَهْطٌ إِلَى بُيُوتِ أَزْوَاجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْأَلُونَ عَنْ عِبَادَةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمَّا أُخْبِرُوا كَانَتْهُمْ تَقَالُوهَا فَقَالُوا وَأَيْنَ نَحْنُ مِنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدْ غَفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ وَمَا تَأَخَّرَ قَالَ أَخَذَهُمْ أَمَّا أَنَا فَبَيْنِي أَصْلَى اللَّيْلِ أَبَدًا وَقَالَ آخَرُ أَنَا أَصُومُ الدَّهْرَ وَلَا أَفْطِرُ وَقَالَ آخَرُ أَنَا أَعْتَزِلُ النِّسَاءَ فَلَا أَتَزَوَّجُ أَبَدًا فَجَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَيْهِمْ فَقَالَ أَنْتُمْ الَّذِينَ قُلْتُمْ كَذَا وَكَذَا أَمَا وَاللَّهِ إِنِّي لَأُخْشَاكُمْ بِهِ وَأَتَقَاكُمْ لَهُ لِكُنِّي أَصُومُ وَأَفْطِرُ وَأَصْلَى وَأَرْقُدُ وَأَتَزَوَّجُ النِّسَاءَ فَمَنْ رَغِبَ عَنْ سُنَّتِي فَلَيْسَ مِنِّي

Bermaksud: “Tiga orang sahabat telah bertandang ke rumah isteri-isteri Nabi untuk bertanya tentang ibadat Nabi s.a.w. Apabila diberitahu, mereka seolah-olah menganggap amalan-amalan Baginda sedikit dan tidak seberapa, lalu mereka berkata: “Di manalah kedudukan kita jika dibandingkan dengan Nabi s.a.w. yang telah diampunkan segala dosa, baik yang telah terdahulu mahupun yang kemudian.” Lalu salah seorang daripada mereka berkata, Aku akan bersembahyang sepanjang malam untuk selama-lamanya. Manakala seorang lagi pula berkata, Aku akan berpuasa saban tahun tanpa henti. Sementara teman mereka yang terakhir pula

berkata, Aku akan menjauhi wanita dan tidak akan berkahwin buat selama-lamanya. Sejurus kemudian Rasulullah s.a.w. tiba ke tempat mereka seraya bersabda: “Kamukah orang-orang yang mengucapkan kata-kata demikian? Demi Allah, sesungguhnya akulah orang yang paling takut dan paling bertaqwa kepada Allah di kalangan kamu, akan tetapi aku berpuasa dan aku berbuka (adakalanya tidak berpuasa). Aku bersembahyang, aku juga tidur dan aku juga berkahwin. Maka barangsiapa membenci sunnahku, dia bukanlah dari kalangan pengikutku.” Amalan-amalan yang dituntut pelaksanaannya di dalam Islam terbahagi kepada dua bahagian. Pertama yang wajib dilaku atau ditinggalkan dan kedua yang sunat dilaku atau ditinggalkan. Bagi amalan-amalan yang wajib atau fardhu, setiap penetapan dan kaedah pelaksanaannya tidak pernah melampaui kemampuan dan fitrah manusia. Sememangnya terdapat satu qaedah dalam agama, di mana kesahihan sesebuah hadits harus dipertikaikan apabila ia mewajibkan sesuatu amalan yang di luar daripada kemampuan dan kesanggupan manusia. Qaedah itu sebenarnya berpunca daripada firman Allah berikut:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Bermaksud: Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya... (al-Baqarah:286).

Tuntutan jihad sekalipun jika diperhatikan, tidak pernah bertentangan dengan naluri kemanusiaan. Justeru di dalam jiwa-jiwa mereka memang sudah tertanam kesanggupan untuk mengorbankan nyawa bagi mempertahankan sesuatu yang sudah menjadi pegangannya. Lihat sahajalah kepada kumpulan-kumpulan tertentu yang sanggup mati dalam mempertahankan sumpah setia mereka, seperti kumpulan-kumpulan perompak, kongsi gelap, penjenayah, gerila-gerila yang melakukan pemberontakan dan sebagainya. Walaupun perjuangan mereka hanya diasaskan di atas semangat-semangat keduniaan atau materialisme yang sempit.

Manakala bagi amalan-amalan sunat pula, antara hikmah mengapa Nabi s.a.w. tidak menyuruh umatnya melakukan amalan-amalan tersebut dalam jumlah, kadar atau cara yang tidak mampu ditanggung oleh diri-diri mereka ialah jika mereka telah menetapkan ke atas diri-diri mereka sendiri amalan-amalan yang sukar untuk dilaksanakan secara berterusan, maka dibimbangi akan tiba suatu masa di mana orang tersebut tidak lagi mampu meneruskan amalan sedemikian mengikut ketetapan atau cara yang dia telah wajibkan ke atas dirinya sendiri sebelum itu. Kerana dia berkemungkinan akan berhadapan dengan masalah kesihatan yang tidak mengizinkannya berbuat demikian, atau dia sudah tidak larat lagi menanggungnya lantaran tenaga dan upayanya telah dimamah usia, atau dia tidak berdaya lagi untuk meluangkan sedikitpun waktunya ketika sedang menghadapi kesibukan atau hambatan kehidupan yang menghimpit dan pelbagai kemungkinan lagi yang tidak mampu dihadapinya.

Tambahan pula prinsip amalan yang diajarkan oleh sunnah ialah sesuatu amalan sebaiknya dilaksanakan secara berterusan, walaupun dalam jumlah yang sedikit. Bentuk pelaksanaan amalan yang sedemikian adalah lebih baik daripada amalan yang dikumpulkan dalam kadar yang banyak tetapi pelaksanaannya tidak berkekalan dan untuk sementara waktu sahaja. Mengenai tuntutan ini sebuah hadits ada mengatakan;

أَحَبُّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ أَدْوَمُهَا وَإِنْ قَلَّ

Bermaksud: Amalan yang paling disukai Allah ialah yang paling kekal pelaksanaannya walaupun sedikit.” (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, Baihaqi dan lain-lain).

kerana engkau sudah diampuni dosa-dosa yang lalu dan yang akan datang.” Maka marahlah Rasulullah s.a.w. sehingga nampak ketara tanda-tanda kemarahan pada wajah Baginda.¹⁷⁰ Kemudian Baginda bersabda: “Sesungguhnya orang yang paling bertaqwa dan paling mengenali Allah di kalanganmu adalah aku.”¹⁷¹

¹⁷⁰ Antara sebab yang telah mencetuskan kemarahan Nabi s.a.w terhadap kata-kata yang mereka tujukan kepada Baginda itu ialah: (1) Kata-kata sahabat: “Kami tidaklah seperti engkau wahai Rasulullah!” Kata-kata ini boleh menimbulkan kekeliruan tentang kejadian fizikal Nabi. Ia seolah-olahnya menunjukkan Nabi s.a.w. bukan manusia. Walaupun para sahabat yang mengucapkan begitu memaksudkannya kepada kema’shuman Baginda s.a.w. daripada melakukan sebarang dosa. Tetapi kenyataan yang sedemikian boleh menimbulkan kekeliruan yang akan melahirkan fahaman-fahaman yang sesat tentang kejadian asal Baginda di kalangan generasi kemudian, apabila Baginda dianggap bukan seorang manusia biasa di segi kejadian fizikalnya. Sedangkan Nabi s.a.w. sering diajar Allah agar mengingatkan kepada umat bahawa diri Baginda adalah manusia seperti orang-orang lain. Di dalam al-Qur’an Allah mengajar RasulNya s.a.w. supaya berkata:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ إِلَهٌ وَاحِدٌ

Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang Satu... (al-Kahfi:110).

Bukankah kekeliruan tentang hakikat kejadian fizikal Rasulullah s.a.w. inilah kemudiannya telah melahirkan ajaran Barelwi di India, lalu tersebar di seluruh dunia sekarang? Golongan Barelwi mempercayai susuk badan Nabi Muhammad s.a.w. bukan seperti manusia biasa. Kejadiannya adalah daripada cahaya. Kerana itulah Baginda tidak berbayang. Untuk menyokong pegangan mereka, golongan ini sentiasa menjadikan hadits-hadits dha’if dan maudhu’ sebagai sandaran. Mereka juga percaya Nabi s.a.w. mengetahui segala perkara ghaib dan mampu melihat segala-galanya termasuk dari dalam kubur Baginda. Apabila dikemukakan kepada mereka hadits-hadits sahih yang menunjukkan Baginda tidak mengetahui semua perkara dan sering bertanya kepada para sahabat tentang perkara-perkara tertentu, mereka menolaknya dengan da’waan situasi itu adalah di peringkat permulaan sahaja, tetapi selepas itu Allah telah membuka pintu segala ilmu kepadanya. (2) Anggapan mereka bahawa ibadah-ibadah lazim yang Baginda sering amalkan adalah sedikit. Ia tidak boleh dijadikan sebagai pedoman bagi umat Baginda. Sedangkan penilaian atau ukuran kepada baik atau sebaliknya sesuatu amalan itu bukan terletak pada kuantitinya, tetapi kualitinya iaitu amalan yang tepat mengikut garis panduan sunnah. (3) Hasrat mereka itu bercanggah dengan fitrah (kejadian semula jadi) manusia yang saling memerlukan antara lelaki dan wanita. Islam pula adalah agama yang sesuai dengan fitrah (kejadian semula jadi) manusia. Ia mengalakkan perkahwinan sebagai satu-satunya saluran terbaik untuk pengembangan populasi manusia dan membenarkan mereka menjalani kehidupan yang sesuai dengan tuntutan naluri mereka. Hal ini selaras dengan ajaran al-Qur’an. Allah s.w.t. berfirman: